



KENYATAAN MEDIA
11 JANUARI 2024

ST Siasat Kes Kebakaran Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik (EVCS) Premis Pusat Pameran Kereta di Johor Bahru

PUTRAJAYA, 11 Januari 2024 – Merujuk kepada kes kebakaran pada 31 Disember 2023 yang melibatkan sebuah stesen pengecas kenderaan elektrik (*electric vehicle charging station - EVCS*) dan sebuah kenderaan di premis pusat pameran kereta di Johor Bahru, pihak Suruhanjaya Tenaga (ST) sedang menyiasat bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian. Di samping itu, pihak bertanggungjawab dan syarikat yang terlibat juga akan dipanggil untuk membantu siasatan.

Setakat ini, tiada laporan kecederaan mangsa atau pasukan bomba dan penyelamat dalam kejadian tersebut. Dalam kebakaran ini, sebuah kenderaan telah hangus dan tiada kenderaan lain berada di premis tersebut semasa kejadian. Kira-kira 5 peratus premis yang berkeluasan 256 meter persegi juga turut terbakar, selain memusnahkan kira-kira 20 peratus daripada kemudahan bahagian pengecasan kenderaan elektrik (*electric vehicle charging bay*) di premis tersebut.

Siasatan awal ST juga mendapati bahawa pihak syarikat yang terlibat telah mengoperasikan EVCS tersebut tanpa lesen daripada ST. Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 memperuntukkan bahawa aktiviti pembekalan tenaga daripada mana-mana pepasangan hendaklah dilaksanakan dengan mendapatkan lesen yang sah daripada ST.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST memandang berat ke atas apa-apa kes yang melibatkan keselamatan orang awam dan selaku badan kawal selia sektor tenaga negara, ST sentiasa melaksanakan dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang pembekalan tenaga.

Sehubungan itu, ST sentiasa mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk memberikan maklumat berkenaan sebarang kes seperti ini melalui sistem eAduan ST di talian 03-8870 8800 atau email ke eaduan@st.gov.my. Untuk makluman lanjut, sila layari laman sesawang ST di www.st.gov.my atau hubungi kami di talian 03-8870 8500.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana)/011-28866271 (Hazwani)/018-3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.